

BAB 6

PENUTUP

Catatan mengenai kesenian Mak Yong telah dibuat sejak abad ke 17. Ia dibuat oleh para pengkaji dari dalam dan luar negara. Kajian ini berterusan hingga kini. Langkah kerajaan memulihara kesenian Mak Yong sebagai kesenian tradisional atau klasik Malaysia membuatkan lebih ramai pengkaji berminat untuk mengkaji secara lebih mendalam dari sudut struktur, upacara, muzik, elemen tari dalam Mak Yong, falsafah dan sebagainya.

Kajian ini cuba menambah satu lagi aspek yang penting dalam kesenian Mak Yong iaitu aspek estetikanya. Hasil dari kajian ini didapati bahawa Mak Yong mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi. Namun begitu tanpa kefahaman dan pendidikan berhubung dengan ilmu estetika maka adalah satu yang mustahil untuk seseorang memahami dan membuat penafsiran dari sudut estetika sesebuah karya khususnya kesenian tradisis seperti Mak Yong. Sehubungan dengan itu adalah wajar pendidikan estetika yang sebenar didedahkan dan diajar kepada semua pihak bagi menyedarkan mereka akan nilai-nilai estetik dan pengukurannya. Pengetahuan berhubung dengan keseragaman elemen-elemen yang terdapat dalam persembahan Mak Yong memudahkan khalayak memahami dan menghayati serta mencintai kesenian ini.

Terdapat banyak teori berhubung dengan estetika telah dikemukakan oleh ahli-ahli falsafah dari Timur dan Barat. Kesemuanya menekankan kepada nilai-nilai keindahan. Meskipun diakui oleh kesemua ahli-ahli falsafah ini bahawa pengertian estetika adalah sebagai falsafah mengenai seni dan keindahan, namun melalui

perbincangan di dalam Bab 1 jelas kelihatan tiada persepakatan pendapat berhubung maksud ‘indah’ itu sendiri.

Pada hakikatnya ‘indah’ adalah suatu yang subjektif. Sesuatu yang indah dimata seseorang boleh menjadi tidak indah dimata orang lain. Ini kerana pengukuran dalam penilaian keindahan itu adalah berbeza-beza. Keindahan bagi suatu budaya adalah berbeza dari budaya yang lain. Masyarakat Melayu yang beragama Islam melihat keindahan dari perspektif estetika Islam. Bagi mereka karya-karya yang tidak menerapkan nilai-nilai moral tidak dikatakan indah dan bermakna. Ini kerana keindahan itu adalah bergandingan dengan etika. Pendapat ini amat berbeza dengan masyarakat Barat yang menilai keindahan berdasarkan kepada peniruan langsung (mimesis). Oleh yang demikian ukuran penilaian karya seni perlu ditafsirkan dengan sejelas dan sejajar mungkin.

Untuk mendapat nikmat sebenar keindahan sesebuah karya seni khususnya karya seni tradisional, seseorang itu perlu menilai berdasarkan kepada tiga faktor utama iaitu latarbelakang seniman atau masyarakat yang melahirkan karya tersebut, karya seni itu sendiri dan faktor kesannya terhadap khalayak. Dalam konteks Mak Yong faktor yang dimaksudkan ialah masyarakat Melayu tradisi, karya /persembahan Mak Yong itu sendiri dan juga manfaatnya pada khalayak. Pengetahuan mengenai latarbelakang seniman atau masyarakat yang melahirkan karya tersebut serta mengetahui proses-proses dalam menghasilkan karya tersebut membolehkan seseorang lebih mudah menikmati keindahan sesebuah karya seni. Pendedahan yang kerap kepada sesebuah karya seni juga membolehkan seseorang mencintai karya tersebut. Sebagai contoh sebuah lagu yang

kerap diperdengarkan kepada pendengar akan menjadi indah dan bermakna. Kekerapan ini membolehkan pendengar menghayati melodi, iramanya dan lirik serta seterusnya membolehkan mereka menikmati keindahannya.

Menurut ahli-ahli falsafah Islam, estetika dalam karya seni Barat adalah bersifat palsu kerana ia lebih menekankan kepada hiburan dan keseronokan yang bersifat kenafsuan. Ini amat bertentangan sekali dengan estetika Islam yang lebih menekankan kepada indah dan bermakna. Karya seni yang mempunyai ciri indah dan bermakna dikatakan sebagai karya seni yang hakikat. Seni yang hakikat ini mampu menyerlahkan ciri-ciri intelektual yang sepadu.

Prinsip-prinsip estetika Islam ini telah diamalkan oleh pengarang cerita-cerita Melayu klasik. Karya-karya seniman Melayu mempunyai banyak keistimewaan kerana ia sangat menitikberatkan persoalan masyarakat. Ini selaras dengan fungsi kesenian sebagai alat untuk memanifestasikan emosi manusia, cita-cita dan nilai-nilai setempat. Kesemua ini disalurkan melalui gerak-geri seni, ungkapan-ungkapan puitis dan sikap-sikap tertentu serta cetusan-cetusan kejiwaan mereka dalam bentuk kesenian tertentu.

Kajian yang dibuat secara kualitatif ini cuba mendedahkan nilai-nilai estetika yang terdapat di dalam persembahan kesenian tradisional untuk dihayati dan difahami oleh generasi muda. Dengan adanya pendedahan ini akan dapat menanam minat, rasa cinta dan sikap menghargai seni tradisional yang menjadi budaya bangsa. Pemilihan Mak Yong Kelantan sebagai bahan dalam kajian adalah bertepatan dengan sifatnya sebagai salah satu kesenian tradisional yang mementingkan nilai-nilai estetik yang tinggi. Pengabungan unsur-unsur ritual, lakonan dan tarian, muzik, vokal dan

instrumental, lagu, cerita, dialog yang formal dan bersahaja telah meletakkan Mak Yong dalam kedudukan dramatari yang mengandungi nilai-nilai kehalusan dan kerohanian yang tinggi. Kehalusan dan kerohanian dalam persembahan Mak Yong bukan sahaja menyerlah dari pakaian dan perhiasan tetapi juga menyerlah khususnya dalam pergerakan dan pengucapan.

Untuk melihat estetika seni ini maka pengkaji telah membincangkan unsur-unsur keindahan dari tiga aspek yang utama iaitu aspek persembahan, aspek bentuk/rupa Mak Yong dan aspek isi/ jiwa Mak Yong. Jelasnya, kajian ini merupakan panduan awal bagi memahami, menghayati dan menilai estetika Mak Yong Kelantan. Panduan ini berguna dan membantu seseorang bagi mendapatkan pengalaman estetika dan seterusnya kepuasaan apabila menonton cerita-cerita Mak Yong. Dengan kefahaman dan pengetahuan ini akan dapat memupuk minat terhadap persembahan Mak Yong khususnya Mak Yong Kelantan.

Mengetahui mitos asal usul dan perkembangan Mak Yong dapat membantu dan memudahkan seseorang memahami dan menyelami keindahan yang tersembunyi di dalam kesenian ini. Ini kerana apa yang dipersembahkan dalam kesenian ini mempunyai kaitan yang rapat dengan perkara-perkara tadi. Kepercayaan dan amalan masyarakat dimuatkan di dalam cerita-cerita Mak Yong. Oleh yang demikian hampir kesemua cerita-cerita tersebut mempunyai keseragaman dari segi fungsi, mesej dan persembahannya.

Mak Yong bukan sahaja menghiburkan malah menyimpan beribu pengertian kepada kazanah budaya dan bangsa. Bentuk dan gaya penyampaianya membuatkan ia berbeza dengan kesenian tradisional yang lain. Lahirnya bentuk kesenian Mak Yong

adalah berasaskan kepada pola kepercayaan masyarakat tradisi. Mitos dan lagenda berhubung dengan asal usul Mak Yong menjadi pegangan mereka. Oleh yang demikian tidak hairanlah mengapa rebab dikaitkan dengan tengkorak dan tulang anjing. Selain dari itu masyarakat tradisi juga amat percaya kepada kuasa-kuasa luar biasa yang wujud di alam ini. Pengaruh kuasa-kuasa ini mampu mempengaruhi kehidupan manusia samada dari segi ekonomi dan keselamatan. Tinjauan yang telah dilakukan terhadap unsur-unsur persembahan, bentuk dan isi sekaligus membuktikan bahawa Mak Yong mempunyai nilai-nilai estetik yang tinggi dan mengagumkan baik dari segi spiritual ataupun material.

Bab 3 dalam kajian ini memperlihatkan keindahan Mak Yong melalui analisis aspek persembahan. Keindahan dari aspek ini memberikan impak kepada persembahan sehingga menonjolkan nilai-nilai estetika yang tinggi dan berkesan serta mengasyikkan. Kajian yang dibuat berjaya memperlihatkan bagaimana unsur-unsur material seperti pakaian, perhiasan dan props digabungkan dengan unsur-unsur non-material seperti bahasa, gaya pengucapan, panataan cahaya, aksi dan lain-lain. Kesemua ini digarap dengan begitu teliti sehingga mencapai satu kesatuan yang mampu memancarkan nilai estetika dan mampu mengusik emosi dan reaksi khalayak. Gabungan dan kesatuan pelbagai aspek seperti pentas, peralatan, pakaian, perhiasan, gerak, muzik, lagu, teks pengucapan dan lain-lain ini tidak langsung menjemukan khalayak bahkan berupaya menarik minat khalayak untuk terus mengikuti kisah yang dipersembahkan seterusnya. Walaupun tidak menggunakan prop yang banyak seperti teater moden namun

persempahan Mak Yong tetap berjaya menarik minat khalayak melalui penekanan terhadap nilai-nilai keindahan yang sedia ada.

Pakaian dan perhiasan yang lengkap, indah dan berwarna-warni menonjolkan keindahan pada setiap watak dan memudahkan khalayak memahami perwatakan mereka. Pergerakan dan tarian yang lembut dan gemalai dipentingkan dalam persempahan bertujuan memberi impak kepada unsur-unsur kerohanian yang wujud dan tersembunyi dalam setiap watak. Ia juga menyokong aksi supaya lebih meyakinkan dan mengasyikkan. Kemerduan suara menambahkan keberkesanannya persempahan dalam menyampaikan mesej atau cerita. Paduan muzik, lagu dan suara berperanan dalam membentuk ‘mood’ cerita. Peralatan muzik yang mengiringi persempahan turut berperanan dalam menimbulkan suasana. Dengan kata lain dapat disimpulkan bahawa aksi, bahasa, gaya pertuturan, muzik, nyanyian dan lirik dalam persempahan Mak Yong memperjelaskan penyataan masyarakat Melayu tradisi secara halus, teliti dan berkias dengan penuh tertib dan indah.

Selain dari aspek persempahan, keistimewaan pelakon Mak Yong khususnya teraju utama turut memperlihatkan keindahan dan keistimewaan Mak Yong. Ini bermakna keindahan Mak Yong bukan sahaja pada persempahan tetapi juga pada kemampuan pelakonnya menjawai watak. Watak Pak Yong dan Mak Yong menyimpan nilai estetik tersendiri. Kebolehan mereka menyanyi dan menari merupakan satu keistimewaan .Oleh kerana itu tidak semua pelakon boleh melakonkan watak-watak dalam persempahan kesenian tradisi khususnya persempahan Mak Yong.

Cerita-cerita Mak Yong digolongkan di dalam katogeri kesusasteraan lisan yang terdapat dalam masyarakat Melayu tradisi. Ini kerana cerita-cerita Mak Yong pada masa dahulu diperturunkan secara lisan. Oleh yang demikian banyak berlaku tokok tambah dalam cerita-cerita Mak Yong. Namun begitu struktur persembahan adalah seragam dan masih dipertahankan. Kepercayaan masyarakat terhadap magis dan ritual serta unsur unsur animisme yang ditonjolkan dalam struktur dan persembahan Mak Yong secara langsung mencerminkan sikap, cara hidup, falsafah dan pemikiran masyarakat Melayu tradisi. Cara hidup yang banyak bergantung kepada sumber alam mendorong kepercayaan kepada animisme yang diistilahkan sebagai ‘folk belief’. Atas dasar ini maka dalam cerita-cerita Mak Yong terdapat nilai-nilai intrinsik yang mengandungi kepercayaan warisan yang bersifat ‘magis religious’. Kepercayaan dan tanggapan warisan berbeza dari agama yang dianuti.

Masyarakat Melayu tradisional amat mementingkan adat resam sehingga wujud peribahasa “biar mati anak jangan mati adat”. Selain dari itu mereka juga amat menghormati dan mematuhi pemimpin atau raja seperti dalam cerita Hang Tuah lima bersaudara, bersikap merendah diri dan menghormati kedudukan individu dalam masyarakat seperti Tok Penghulu, Ketua Kampung dan sebagainya. Nilai dan adat budaya yang indah ini ditonjolkan di sebalik struktur persembahan Mak Yong seperti dalam tarian dan lirik lagu mengadap rebab yang memuji keindahan alam dan kehidupan ciptaan Tuhan. Oleh itu nilai-nilai ini menyerlahkan estetika karya seni Mak Yong dan menyerlahkan keindahan sifat manusia yang mengagumi dan menghargai ciptaanNya.

Analisis bentuk dalam Bab 4 pula menunjukkan bahawa pola gubahan dalam cerita-cerita Mak Yong berperanan membimbang, memandu dan membantu khalayak bagi mengingati, menghayati dan menumpu perhatian kepada perjalanan dan susun atur cerita. Ia merupakan komunikasi berkesan antara seniman, karya dan khalayak sehingga berjaya menyerlahkan makna. Makna hasil dari pola gubahan ini memancarkan rupa karya Mak Yong yang dipersembahkan. Komposisi pola gubahan yang berkeupayaan menimbulkan makna kepada khalayak memancarkan nilai estetika karya tersebut. Oleh itu dapat dikatakan bahawa pola gubahan memainkan peranan penting dalam apa juga persembahan karya seni khususnya karya-karya seni tradisional. Peranan pola gubahan dalam persembahan Mak Yong amat bermakna bagi menonjolkan nilai estetika seni persembahan Mak Yong.

Melalui analisis ke atas estetika makna atau jiwa Mak Yong di dalam Bab 5, dapat disimpulkan bahawa persembahan cerita Mak Yong bukan sekadar hiburan tetapi mengandungi nilai-nilai kerohanian yang tinggi. Ia membawa konsep dan nilai-nilai kehidupan serta makna yang kesemuanya tersirat disebalik hiburan dan keseronokan. Dalam cerita Mak Yong terpancar konsep adat masyarakat Melayu tradisi yang menunjukkan hubungan yang mendalam dan bermakna antara sesama manusia, manusia dengan alam termasuklah alam tabii, sosial dan alam ghaib. Konsep ini dapat dikatakan merupakan satu aspek dalam kehidupan masyarakat yang secara tidak langsung berhubung dengan institusi kemasyarakatan meliputi tanggapan dan pemikiran mereka terhadap spiritual yang menguasai kehidupan mereka. Oleh yang demikian tidak hairanlah mengapa cerita-cerita Mak Yong sering mempersembahkan unsur-unsur

komidi, tragis, dewa-dewa, kisah raja-raja, istana, pengembalaan, pertarungan, perpisahan dan lain-lain.

Sekali ditegaskan bahawa seni budaya Melayu yang ditonjolkan dalam persembahan Mak Yong sememangnya mempunyai nilai estetika yang tinggi. Seringkali dalam cerita Mak Yong diungkapkan pengalaman, kepercayaan kepada dunia ghaib dan sakti, keluhuran budi, kesengsaraan, kebahagiaan, kesetiaan, kejujuran, perbuatan terpuji, perbuatan tercela, kerendahan budi sesama manusia dan lebih-lebih lagi terhadap kekuasaan tertinggi yang menguasai alam semesta dan lain-lain. Kesemua ini mempunyai nilai estetik yang tinggi dalam kehidupan masyarakat yang mencerminkan budaya Melayu. Hubungan kesenian Mak Yong dengan kepercayaan ritual, komunikasi, pendidikan dan hiburan membuktikan bahawa kesenian ini mampu mempengaruhi pembentukan peribadi manusia. Terdapat makna-makna dan nilai-nilai yang mengatur tingkah laku manusia dalam masyarakat. Ini amat bertepatan sekali dengan nilai estetika melayu yang menekankan indah dan bermakna.

Jelaslah bahawa keindahan cerita Mak Yong terserlah kerana ia memberi ruang kepada khalayak untuk mentafsir persembahan tersebut sebagai manifestasi kehidupan masyarakat yang melahirkan dan mengamalkan kesenian tersebut. Sesuai dengan sifatnya sebagai kesenian tradisional, ia banyak menyampaikan mesej berbentuk pengajaran, nasihat dan sindiran kepada khalayak. Selain dari itu ia membuka jaringan hubungan antara pelakon dan khalayak. Hubungan antara pelakon-pelakon terjalin melalui kesefahaman gerakan diatas pentas atau panggong manakala hubungan dengan khalayak wujud melalui emosi. Perpaduan dikalangan khalayak pula menunjukkan wujudnya

hubungan di kalangan khalayak. Oleh itu jelas dapat dilihat bahawa nilai estetika persembahan Mak Yong adalah bergandingan dengan nilai etika.

Selari dengan perubahan masa, fungsi Mak Yong juga mengalami perubahan. Ia berubah dari hiburan istana kepada hiburan rakyat jelata dan seterusnya kepada persembahan hiburan yang bersifat komersil. Namun begitu nilai estetik di dalamnya tetap dipelihara. Corak dan fungsi seni persembahan tradisional ini berubah kerana faktor-faktor seperti :

- (i) Terhakisnya kepercayaan animisme yang berkait dengan persembahan tradisi dengan adanya kemajuan pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi.
- (ii) Perubahan corak hidup dan pergantungan ekonomi sepenuhnya daripada sumber alam kepada sektor perindustrian yang mengurangkan masa lapang untuk berseni.
- (iii) Timbul kesedaran akan kepentingan pendidikan dan kerjaya menyebabkan kurngnya minat dikalangan generasi muda untuk menjadi pengiat seni tradisional. Ini ditambah pula apabila status pengiat seni tradisional mengalami kemerosotan.
- (iv) Kesedaran keagamaan dikalangan orang Islam terhadap unsur-unsur yang menyimpang dari landasan Islam seperti minta semangat dan sebagainya.

Walaupun terdapat perubahan berlandaskan faktor-faktor tadi namun ia sedikit pun tidak menjaskankan nilai-nilai estetika yang terkandung di dalam kesenian Mak Yong. Nilai-nilai murni dari aspek fizikal dan rohani terus dipelihara dan dikekalkan melalui

pendekatan tersendiri. Penggunaan teknologi moden tidak menjelaskan malah menambahkan lagi keindahanya dan memberi impak kepada suasana dan peristiwa yang hendak dipaparkan di dalam persesembahan Mak Yong.

Hasil dari kajian yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa Mak Yong memiliki keindahan dari sudut persembahan, bentuk dan isi. Jelas kelihatan bahawa penekanan kepada keindahan bentuk melahirkan rupa karya. Penekanan kepada keindahan isi pula melahirkan jiwa karya yang penuh dengan gambaran pemikiran dan falsafah masyarakat Melayu serta tauladan yang mendorong ke arah pembentukan peribadi. Manakala penekanan kepada keindahan persembahan mampu memberi impak keseluruhan nilai-nilai estetika yang tinggi, berkesan dan mengasyikkan yang terdapat dalam karya tersebut. Dengan kata lain penekanan kepada ketiga-tiga aspek ini dapat menyerlahkan estetika Mak Yong dari sudut hiburan (indah) dan manfaatnya (bermakna).

Sungguhpun bukan berasal dari negara ini namun perubahan yang telah dibuat bagi menyesuaikan dengan persekitaran dan budaya Melayu menjadikan Mak Yong sebuah kesenian bercirikan budaya tempatan yang digolongkan dalam kesenian tradisional Melayu. Ia dianggap sebagai khazanah yang menyimpan beribu pengertian kepada budaya Melayu dan seni teater Melayu yang tinggi mutunya. Pementasan Mak Yong adalah merupakan pementasan Melayu yang berada di tahap tertinggi sebelum menularnya teater moden dari Barat. Menonton Mak Yong pada hari ini adalah seperti melihat seni teater sendiri dan kembali kepada akar teater sendiri yang perlu dibanggakan dan dimajukan. Memperbanyakkan persembahan Mak Yong merupakan langkah kearah mengembalikan kegemilangannya agar tidak pupus dan hilang begitu sahaja. Sementara

itu memulihara persesembahan Mak Yong merupakan langkah bijak dalam mempertahankan nilai-nilai estetika yang terkandung di dalamnya.

Adalah disarankan agar lebih banyak kajian berhubung dengan Mak Yong dilakukan pada masa hadapan. Kajian-kajian tersebut boleh dibuat dengan melihat dari aspek estetika lirik lagu-lagu Mak Yong, pakaian dan persolekan Mak Yong, makna makna pergerakan dalam persembahan Mak Yong dan lain-lain lagi. Kesemua ini bukan sahaja dapat menyumbang kearah memperkayakan ilmu budaya bangsa di peringkat kebangsaan malah hingga ke peringkat antarabangsa.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Latif Awang, 1984, Teori Seni Dan Estetika; Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Abdullah Muhammad (Nakula), 1984, Falsafah dan Pemikiran Orang-Orang Melayu: Hubungannya dengan Islam dan Kesenian; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Samad Ahmad, 1980, Kesenian, Adat kepercayaan dan Estetika; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah, 1990, Kesenian Islam; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Wadjiz, 1980, Falsafah Estetika (Sebuah Pengantar); Yogyakarta : Nur Cahaya.
- Azaha Othman, 21 Februari 1999, Unsur-Unsur Muzik, Lagu Dalam Makyung; Utusan Malaysia.
- Aziz Deraman, 1984, Perancangan Dan Pentadbiran Kebudayaan Di Malaysia; Cet. Kedua, Kuala Lumpur : KKBS.
- Bahari Abdullah disusun oleh Mokhtar A.K., 1965, Asal usul Mak Yong; Penang : Saudara Sinaran Bhd.
- Budiman Radzi, 1963, Falsafah Seni Dalam Islam; Kota Bharu : Pustaka Aman Press.
- Braginsky, V.I (Vladimir I.), 1994, Erti Keindahan Dan Keindahan Erti Dalam Kesusasteraan Melayu Klasik; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Norazam Noor Din, 1990, Mak Yong : Satu analisis Permainan dan falsafahnya; Latihan Ilmiah Jabatan Penulisan , Universiti Malaya.

- Cohen, R., 1983, Theater; Cetak Ulang Palo Alto: Mayfield Publishing Company.
- Courtney, Richard, terjemahan Rahmah Bujang, 1991, Lakon Drama dan Pemikiran Latarbelakang Intelektual Drama Dalam Pendidikan; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dessoir, Max (Trans. by Stephen A. Emery), 1970, Aesthetics And Theory Of Arts; Detroit: Wayne State University Press.
- Dewit H. Parker, 1926, The Analysis of Art; Yale University Press.
- Dickie. George, 1971, Aesthetics : An Introduction; USA : The Bobbs Merrill Company.
- Dinsman, 26 Mei 1981, Nilai Teater Melayu Pada Mak Yong; Watan.
- Dr. Teuku Iskandar, 1986, Kamus Dewan Bahasa; Cet. III, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Engku Ibrahim Ismail et. al., 1992, Konsep Seni Dalam Islam; Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur : Universiti malaya.
- Fernando, Jacqueline Sunetra, 1996, Lagu Mengadap Rebab In Mak Yong Theatre Of Kelantan And South Thailand : An Interpretive; Tesis M.A. Universiti Malaya.
- Gazalba, Sidi. Drs., 1967, Islam, Integrasi Ilmu Dan Kebudajaan Mendjawab Masalah-Masalah Pokok Dalam Rangka Islam; Djakarta : Tintaman.
- Gazalba, Sidi. Drs., 1973, Sistemetika Filsafat; Jakarta: Bulan Bintang.
- Gazalba, Sidi. Drs., 1977, Pandangan Islam Tentang Kesenian; Kuala Lumpur : Pustaka Antara.

- Ghulam-Sarwar Yousof, 1976, The Kelantan Mak Yong Dance Theatre: a study of Perfomance Structure; Tesis M.A. Universiti Malaya.
- , September 1979, Dramatari Mak Yong dari kelantan : Satu Pengenalan. (Bah. 1); Dewan Budaya. Dewan bahasa dan Pustaka. (31-34)
- , Oktober 1979, Dramatari Mak yong kelantan : Satu Pengenalan (Bah. 2); Dewan Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka. (37-40).
- , 1992, Panggung Semar : Aspects Of Traditional Malay Theatre; Petaling Jaya : Tempo Publishing.
- Gopinathan, Dhranee Nathan, 1991, Meninjau Nilai-Nilai Estetik Tarian Klasik India Bharata Natyam; Latihan Ilmiah Jabatan Penulisan, Universiti Malaya.
- Haji Muhammad Bukhari Lubis, 6 Februari 1994, Estetika dalam Kesusasteraan Islam: Beberapa Pengamatan; Dewan Sastera : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hamidah Abdul Hamid, 1995, Pengantar Estetik; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamidy U.U., 1991, Estetika Melayu Ditengah Hamparan Estetika Islam: Suatu Kajian Awal; Pekan Baru: Penerbit Zamrad.
- Harun Mat Piah, April 1980, Fungsi-Fungsi Penyebaran Permainan Kesenian Melayu Malaysia; Dewan Budaya : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- , 1989, Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasmiza Idris, 1998, Estetika dalam Teater Tradisional Wayang Kulit Di Kelantan; Latihan Ilmiah Jabatan Penulisan, Universiti Malaya.

H.B. Sutopo, Dr., 24–27 Oct. 1989, Traditional Aesthetics In The Visual Arts : A Holistic Approach To Art Criticism For Appreciating The Traditional Art; Criticism For Appreciating The Traditional Symposium On Aesthetics ASEAN Committee On Culture And Information. Proceeding of Symposium Kuala Lumpur, Malaysia.

Herani Ismail Suki, 1978, Mak Yong dan Wayang Kulit; Kuala Lumpur: KKBS.

Ibrahim Hj. Salleh, (16 Oktober 1984) Mak Yong Seni Tradisi kisah Dua Beradik Menjaga Lembu; Berita Harian.

Ismail Hamid, 1991, Masyarakat Dan Budaya Melayu; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Julianti Parani, Drs., 17-24 Jun 1997, History Of Performing Arts In Indonesia From Ethnicity To Contemporary Aesthetics; Indonesia Country Report SEAMEO-SPAFA Symposium On History Of Performing Arts In Southeast Asia. Kuala Lumpur, Malaysia.

Kamarudin Sulaiman, Mac 1995, Kesenian dan Kehidupan manusia Sejagat; Dewan Budaya : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khatijah Awang, Februari 1985, Mak Yong : Hanya Di Atas Kertas; Dewan Budaya : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmod Ahmad, 20 Julai 1980, Mak Yong : Kegemilangannya akan Berulang Semula; Nada Minggu.

Malik Munip, 30 Sept. 1979, Tradisi Dinamik Melayu Cita-Cita Baru; Berita Minggu.

Malm, Willian P., (1969) The Music Of The Malaysian Ma'Yong; Koleksi Persidangan International Conference On Traditional Drama.

- Manja Mohd Ludin et.al., 1995, Aspek-Aspek Kesenian Islam; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Mokhtar Hassan, 1995, Sisiologi Sastera : Teori dan Aplikasi; Kuala Lumpur: Aneka Publishing.
- Mohamed Afandi Ismail, Jun 1975, Perkembangan Mak Yong Sebagai Satu Seni Teater Tradisional; Dewan Bahasa Vol.19, No 6. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Ghouse Nasuruddin, Prof., 1994, Seni Persembahan Tradisi Menjelang Awal abad ke 21; Siri Syarahan Perlantikan Profesor 1994/Bil. 6. Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Affandi Hassan, 1990, Pendidikan Estetika; Kuala Lumpur.
-----, 1992, Pendidikan Estetik Daripada Pendekatan Tauhid; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Anis Md. Nor, Assoc. Prof. Dr., 17-24 Jun 1997, Southeast Asian Performing Arts And Aesthetics; Malaysia Country Report SEAMEO-SPAFA Symposium On History Of Performing Arts In Southeast Asia. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohd Ghouse Nasuruddin, April 1985, Mak Yong Laut; Dewan Budaya : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
-----, 1989, Muzik Melayu Tradisi; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nefi Imran b. Djamaan, Drs., 1977, Memahami Estetika Persembahan Sebagai Media Tradisional Perlu Ditingkatkan Kehidupan Yang Harmoni; Kertas Kerja Seminar Estetika : Jabatan Pengajian Media: Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Mohd Suhaimi Ghazali, 5 Ogos 1988, Mak Yong Kesenian Istana; Berita Harian.
- Mohd Taib Osman dan Wan Kadir Yusoff, 1983, Kajian Budaya Dan Masyarakat Di Malaysia; Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman, 1983, Bunga Rampai Kebudayaan Melayu; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- , Oktober 1985, Budaya Tradisional Kini; Dewan Budaya : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- , 1988, Mengenal Kesusasteraan rakyat : Bunga Rampai Kebudayaan Melayu; Edisi Kedua, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- , 1989, Masyarakat Melayu : struktur, organisasi dan Manifestasi; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mubin Sheppard, 1960, The Magic Kite And Other Ma' yong Stories; Kuala Lumpur : Federal Publication.
- , 1969, Ma' Yung The Malay Dance Drama; Tenggara 5.
- , 1972, Taman Indera : A Royal Pleasure Ground : Malay Decorative Art And Pastimes, Kuala Lumpur : Oxford University Press.
- Mubin Sheppard, Tan Sri. 1974, Cerita-cerita Mak Yung; Kuala Lumpur : Federal Publications Sdn. Bhd.
- , 1983, Taman Saujana : Dance, Drama, Music And Magic In Malaya, Long And Not-So-Long Ago; Petaling Jaya, Selangor: International Book Service.

- , 13 Jan 1985, Mak Yong Perlu Sokongan untuk Terus Hidup; Mingguan Malaysia.
- Muhammad Hj. Salleh, 1985, Kumpulan Kritikan Sastra: Timor Dan Barat; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- , 1989, Puitika Sastera Melayu Suatu Pertimbangan; Bangi : Penerbitan UKM.
- Natrah Abd. Halim, 1994, Permainan Mak Yong : Penilaian dari perspektif Hukum Islam; Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nha – Trang Cong – Huyen – Ton – Nu, Dr., Januari 1979, Konsepsi Collingwood Tentang Imaginasi Dalam Seni; Jilid 1. Dewan Budaya : Bahasa Dan Pustaka
- Nik Mustapha Nik Mohd Salleh, Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu Di Malaysia; Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Noraini Mohamed, 1991, Falsafah Keindahan ‘Alam dan Hubungannya Dengan ‘Aqidah Manusia : Kajian Terhadap Al-Qur'an Dan al-Hadith; Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Normaizatulakmal Tujad, 1997, Konsep Cantik Dalam Pemikiran Orang Melayu Dan Perubahannya: Kajian Kes Di Sabak Bernam; Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Nor Raudah Siren, (1998) Nilai Estetika Masyarakat Jawa Melalui lagu-lagu Tradisional Jawa (Satu Kajian di Negeri Selangor); dalam Hashim Awang A.R. et. al.

Pengajian Sastra dan Sosio Budaya Melayu Memasuki Alaf Baru. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.

Othman Mohd Yatim, 1989, Warisan Kesenian Dalam Tamadun Islam; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Patricia Matusky dan Tan Sooi Beng, 1997, Siri Kebudayaan Asia Tenggara, Muzik Malaysia : Tradisi Klasik Rakyat dan Sinkretik; Kuala Lumpur dan Penang : The Asian Centre.

Rahim Abdullah, 11 Mei 1997, Tersisihkah Makyung Dalam Dunia Siber; Berita Minggu.

Rahmah Bujang, 1975, Sejarah Perkembangan Drama Bangsawan; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

-----, 1998, Kesenian Melayu dan Hikmah Semiotik; dalam Hashim Awang A.R. et. al. Pengajian Sastra dan Sosio Budaya Melayu Memasuki Alaf Baru. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.

Read Herbert, 1951, The Meaning Of Art; 3rd. Ed. London : Faber and Feber Limited.

Roland, Barthes, (Translated by Stephen Heath), 1982, Image Music Text; London : Fotana.

Roshaidawati Jusoh, 1991, Gamelan Terengganu: Muzik dan tarian, Estetika dan Falsafah Kehidupan; Latihan Ilmiah Jabatan Penulisan, Universiti Malaya.

Rosnah Noh, 1992, Pengaruh Dan Perkembangan Mak Yong Masa Kini : Satu Tinjauan; Latihan Ilmiah. Kajian Seni Lukis Dan Seni Reka, ITM.

- Rudi Mahmood, 13 Januari 1985, Permainan Tradisi : Kita Yang Tentukan Baik Buruknya; Berita Minggu.
- Sahlan Mohd Samad, 1994, Pengarang Dan Kepengarangan; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schechner, Richard, 1977, Performance Theory; Revised and Expanded Edition. New York and London : Routledge.
- Shafiee Ahmad dan Sulaiman Zakaria, 1992, Siri Malaysia Indah : Kesenian Di Malaysia; Kuala Lumpur : Buku Must Sdn. Bhd.
- S.H. Nasr terjemahan Baharudin Ahmad, 1985, Falsafah Kesusasteraan Dan Seni Halus; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Salwa Soffian, 1997, Nilai-Nilai Islam Dalam Kesenian Melayu; Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Siti Zainon Ismail, 1985, Getaran Jalur Dan Warna : Dan Ghoyak Pun Hilang; Petaling Jaya : Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Siti Zainon Ismail, 1989, Percikan Seni; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Skeat, Walter W. (Walter William), 1967, Malay Magic: Being An Introduction To The Folklore And Popular Religion Of The Malay Peninsular; New York : Dover Publication.
- S. Othman Kelantan, Jun 1983, Sastera Sebagai Alat Pengucapan Batin; Dewan Sastera; Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Stolnitz, Jerome, 1960, Aesthetics and Philosophy of Art Criticism: A Critical Introduction; Boston : Houghton Mifflin Company.

- Stolnitz, Jerome, (ed). 1965, Aesthetics; New York : Macmillan.
- Sutrisno Mudji, 1994, Estetika : Filsafat Keindahan; Cet. Ke2. Yogyakarta : Penerbit Kanisius.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, 1980, Hiburan Dalam Masyarakat Melayu Bandaran 1870 hingga 1941 : Satu Kajian Tentang Pertumbuhan Budaya Popular; Kuala Lumpur : Tesis Ph.D Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastra Dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- , 1993, Hiburan Sebagai Ekspresi Budaya; Petaling Jaya : Masfami Enterprise.
- , 1993, Tradisi Dan Perubahan Budaya Melayu; Petaling Jaya : Masfami Enterprise.
- Winstedt, Richard Olof, 1982, The Malay Magician : Being Shaman, Saiva And Sufi. 4th Ed. Kuala Lumpur : London, Oxford University Press, Routledge.
- Zaiton Nasir, Mac 1991, Mempertahankan Tradisi Mak Yong; Dewan Budaya : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zakaria Osman, 1997, Novel-Novel A.Samad Said : Menghayati Dari Sudut Estetika Sastra; Tesis Ph.D. Jabatan Pengajian Melayu , Universiti Malaya.
- , 1998, Persepsi Estetika – Satu Pendekatan Alternatif; dalam Hashim Awang A.R. et. al. Pengajian Sastra dan Sosio Budaya Melayu Memasuki Alaf Baru. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Oktober 1956, Karangan Asal Mak Yong; Mastika.
- 2 Mac 1980, Group Teater Elit beri Nafas Baru Pada Mak Yong; Mingguan Malaysia.

1981, Mak Yong; Cet 1. Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan.

1983, Sirih Pinang : Kumpulan Esei Budaya; Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka Bersama Kementerian Pelajaran Malaysia.

25 Jun 1984, Tarian Mak Yong : Tarian DiRaja Yang Dinikmati Rakyat Sekarang; Harian Nasional.

Oktober 1989, Braginsky; Dewan Sastra : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mac 1989, Estetika Pantun; Dewan Sastra : Dewan Bahasa dan Pustaka.

8 Jun 1997, Khatijah Awang Primadona Makyung; Mingguan Malaysia.

SKRIP

Ghulam-Sarwar Yousof, (1999) Raja Tangkai Hati.

INFORMAN

1. Puan Khatijah bte Awang.
2. Puan Norhayati bte Zakaria.